

09/02/2004

Emos sasar jual 10,000 Dinamik 120cc

EDARAN Modenas Sdn Bhd (Emos) mensasarkan jualan lebih 10,000 unit motosikal `Dinamik 120cc', model terbaru motosikal nasional, sepanjang tahun ini.

Pengurus Bahagian Cawangan dan Operasi Emos, Ahmad Razi Mahmood, berkata motosikal dua lejang itu berada di pasaran sejak Oktober lalu dan kini, 600 unit sudah dijual.

"Sasaran Emos ialah pengguna muda kerana reka motosikal berkenaan mempunyai reka bentuk menarik yang sesuai dengan cita rasa anak muda.

"Namun, ia juga sesuai untuk semua pengguna lain," katanya selepas Karnival Modenas dan Pandu Uji Dinamik 120cc di Litar Lumba Kereta Pasir Gudang di Johor Bahru, kelmarin.

Motosikal Dinamik 120cc itu dilancarkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia (PWTC) di Kuala Lumpur pada Ogos tahun lalu.

Ahmad Razi berkata, Dinamik 120cc menggabungkan kepakaran teknologi Kawasaki untuk menghasilkan enjin yang berkualiti tinggi dan bergaya di jalan raya.

Katanya, model motosikal terbaru itu menggunakan sistem menghidup tendang dan mempunyai transmisi enam kelajuan serba model yang lebih lancar.

"Motosikal ini juga dilengkapi sistem brek cakera tunggal pada roda depan dan belakang bagi memastikan cengkaman yang berkesan sekali gus meningkatkan ciri keselamatannya.

Sehingga ini Emos terbabit mengedarkan lapan model motosikal nasional iaitu Karisma, Kriss-1, Kriss-2, Kriss-SG, Elit 125cc, Elit 150cc, Ceria dan Jaguh.